



Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

**MENGENAL HUBUNGAN DI ANTARA KUALITI KEHIDUPAN
DI KALANGAN PELAJAR TINGKATAN DUA DI SEKOLAH
DENGAN PERATUS KEHADIRAN KE SEKOLAH**

Nurhidaya Binti Ahmad

Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian
2006

LB
3081
N974
2006

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : Mengkaji hubungan di antara kualiti kehidupan sekolah dengan
peratus kehadiran ke sekolah

SESI PENGAJIAN : 2005/2006

Saya NURHIDAYA BINTI AHMAD
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis * ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik,
Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. ** sila tandakan (✓)

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan
atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA)

TERHAD (Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh
organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Jaya

(TANDATANGAN PENULIS)

Amals Madhio

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:


Jaman Indah Jaya, Blok 122

Fasa 3C, A1207

90000 Sandakan, Sabah

Tarikh : 15/05/06

Tarikh: 31 MEI 2006.



**MENKKAJI HUBUNGAN DI ANTARA KUALITI KEHIDUPAN DI KALANGAN
PELAJAR TINGKATAN DUA DI SEKOLAH DENGAN PERATUS KEHADIRAN
KE SEKOLAH**


Oleh

NURHIDAYA BINTI AHMAD

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Sarjana Muda dengan Kepujian (Kaunseling)
Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia,
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2006

Projek bertajuk 'Mengkaji Hubungan Di Antara Kualiti Kehidupan Sekolah di Kalangan Pelajar Tingkatan Dua Dengan Peratus Kehadiran Ke Sekolah' telah disediakan oleh Nurhidaya binti Ahmad dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai memenuhi syarat untuk Sarjana Muda dengan Kepujian (Kaunseling).

Diterima untuk diperiksa oleh:


.....
(Amalia Madihie)

Tarikh:

31 MEI 2006 .
.....

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, saya bersyukur kepada Allah dengan pertolongan-Nya saya dapat menyiapkan kajian ini.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada Cik Amalia Madihie selaku penyelia projek ini. Beliau telah banyak memberikan tunjuk ajar, ulasan dan komen yang membina kepada saya sehingga kajian ini dapat diterbitkan dengan lebih bermutu. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada Cik Nur Fatimah Mat Yusof kerana kesudian beliau memberikan tunjuk ajar di dalam menggunakan perisian SPSS dengan betul dan menyemak hasil dapatan kajian saya.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak kerana memberikan kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian ini. Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada pihak Sekolah Menengah Kebangsaan Green Road dan Kolej Dato Patinggi Abang Haji Abdillah kerana membenarkan saya membuat kajian di sekolah mereka. Pihak sekolah telah memberikan komitmen dan kerjasama yang sangat baik kepada saya sepanjang kajian ini dijalankan khususnya penyelia petang SMK Green Road dan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid Kolej Dato Patinggi Abang Haji Abdillah.

Jutaan terima kasih dan penghargaan juga diucapkan kepada ayah saya, Encik Ahmad bin Bukah, ibu saya Munah @ Irene binti Simin, dan adik-beradik saya Siti Khadijah, Siti Nurain, dan Siti Kamisah yang telah memberikan sepenuh dorongan dan sokongan kepada saya untuk menjalankan kajian ini. Dengan dorongan dan sokongan mereka telah menguatkan semangat saya dan memberikan inspirasi kepada saya untuk menyiapkan kajian ini.

Tidak lupa juga setinggi-tinggi ucapan terima kasih juga diucapkan kepada Jabatan Kaunseling di atas bantuan dan sokongan yang diberikan bagi mempermudah perjalanan kajian yang saya jalankan ini.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada semua rakan serta semua pihak yang telah membantu saya dalam menyempurnakan kajian ini. Khususnya kepada Wan Noradila Wan Mohd. Zain, Mutiah binti Roslan, Ruth Richard, Shahreen binti Alias dan Norafizah Mohd. Ibrahim yang banyak menghulurkan bantuan dan sokongan kepada saya.

Segala kelemahan yang terdapat di dalam kajian ini adalah datangnya dari kelemahan saya sendiri. Akhir sekali, diharap kajian ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak yang berkaitan dan sebagai panduan kepada pengkaji yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

JADUAL KANDUNGAN

Penghargaan		iii
Jadual Kandungan		iv
Senarai Jadual		vii
Senarai Rajah		x
Senarai Lampiran		xi
Abstrak		xii
Abstract		xiii
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.0 Pengenalan	1
	1.1 Latar belakang kajian	4
	1.2 Kenyataan masalah	8
	1.3 Objektif kajian	
	1.3.1 Objektif umum	12
	1.3.2 Objektif khusus	12
	1.4 Kerangka konseptual	14
	1.5 Hipotesis	15
	1.6 Kepentingan kajian	17
	1.7 Definisi	17
	1.8 Limitasi kajian	21
	1.9 Kesimpulan	22
BAB 2	KAJIAN SEMULA PENULISAN	
	2.0 Pengenalan	23
	2.1 Kualiti kehidupan sekolah	24
	2.2 Ponteng sekolah	34
	2.3 Perkaitan di antara kualiti kehidupan sekolah dengan peratus kehadiran ke sekolah	37
	2.4 Pendekatan teori	38
	2.5 Kesimpulan	39
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
	3.0 Pengenalan	40
	3.1 Reka bentuk kajian	41
	3.1.1 Latarbelakang borang kaji selidik <i>Quality of School Life</i>	41
	3.1.2 Kebolehpercayaan dan kesahan borang kaji selidik <i>Quality of School Life</i>	41
	3.1.3 Borang kaji selidik <i>Quality of School Life</i> yang digunakan oleh pengkaji	42

3.1.4	Kebolehpercayaan dan kesahan borang kaji selidik <i>Quality of School Life</i> yang digunakan oleh pengkaji	42
3.2	Persampelan	43
3.3	Penganalisaan data	
3.3.1	Statistik deskriptif	45
3.3.2	Statistik inferensi	46
3.4	Kesimpulan	49

BAB 4

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.0	Pengenalan	50
4.1	Ciri Demografi	
4.1.1	Taburan Jantina Responden	51
4.1.2	Taburan Bangsa Responden	51
4.1.3	Taburan Pencapaian Akademik Tahun Lepas	49
4.2	Kualiti Kehidupan Sekolah	
4.2.1	Taburan Perasaan Terhadap Sekolah	60
4.2.2	Taburan Kepuasan Terhadap Sekolah	63
4.3	Dapatan Hipotesis	
4.3.1	Hipotesis ₁ 1: Terdapat perkaitan signifikan antara perasaan terhadap sekolah dengan peratus kehadiran ke sekolah	71
4.3.2	Hipotesis ₁ 2: Terdapat perkaitan signifikan antara kepuasan terhadap sekolah dengan peratus kehadiran ke sekolah	72
4.3.3	Hipotesis ₁ 3: Terdapat perkaitan signifikan antara perasaan terhadap sekolah dengan kepuasan terhadap sekolah	74
4.3.4	Hipotesis ₁ 4: Terdapat perkaitan signifikan antara pencapaian akademik Bahasa Melayu dengan peratus kehadiran ke sekolah	75
4.3.5	Hipotesis ₁ 5: Terdapat perkaitan signifikan antara pencapaian akademik Bahasa Inggeris dengan peratus kehadiran ke sekolah	76
4.3.6	Hipotesis ₁ 6: Terdapat perkaitan signifikan antara pencapaian akademik Agama Islam dengan peratus kehadiran ke sekolah	77
4.3.7	Hipotesis ₁ 7: Terdapat perkaitan signifikan antara pencapaian akademik Pendidikan Moral dengan peratus kehadiran ke sekolah	78
4.3.8	Hipotesis ₁ 8: Terdapat perkaitan signifikan antara pencapaian akademik Sejarah dengan peratus kehadiran ke sekolah	79

4.3.9	Hipotesis ₁ 9: Terdapat perkaitan signifikan antara pencapaian akademik Geografi dengan peratus kehadiran ke sekolah	80
4.3.10	Hipotesis ₁ 10: Terdapat perkaitan signifikan antara pencapaian akademik Sains dengan peratus kehadiran ke sekolah	81
4.3.11	Hipotesis ₁ 11: Terdapat perkaitan signifikan antara pencapaian akademik Matematik dengan peratus kehadiran ke sekolah	82
4.3.12	Hipotesis ₁ 12: Terdapat perkaitan signifikan antara pencapaian akademik Kemahiran Hidup dengan peratus kehadiran ke sekolah	83
4.3.13	Hipotesis ₁ 13: Terdapat perbezaan signifikan perasaan terhadap sekolah antara jantina responden	84
4.3.14	Hipotesis ₁ 14: Terdapat perbezaan signifikan kepuasan terhadap sekolah antara jantina responden	85
4.3.15	Hipotesis ₁ 15: Terdapat perbezaan signifikan peratus kehadiran ke sekolah antara jantina responden	86
4.3.16	Hipotesis ₁ 16: Terdapat perbezaan signifikan perasaan terhadap sekolah antara bangsa responden	87
4.3.17	Hipotesis ₁ 17: Terdapat perbezaan signifikan kepuasan terhadap sekolah antara bangsa responden	88
4.3.18	Hipotesis ₁ 18: Terdapat perbezaan signifikan peratus kehadiran ke sekolah antara bangsa responden	89
4.4	Kesimpulan	91
BAB 5	RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.0	Pengenalan	92
5.1	Rumusan kajian	92
5.2	Kesimpulan	97
5.3	Cadangan	99
RUJUKAN		102
LAMPIRAN		

SENARAI JADUAL

Jadual 1 Formula pengukuran saiz minimum sampel	44
Jadual 2 Formula interpretasi <i>coefficient</i>	47
Jadual 3 Formula pengiraan <i>coefficient of determination</i>	48
Jadual 4 Taburan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan jantina	51
Jadual 5 Taburan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan bangsa	52
Jadual 6 Taburan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan pencapaian subjek Bahasa Melayu tahun lepas	52
Jadual 7 Taburan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan pencapaian subjek Bahasa Inggeris tahun lepas	53
Jadual 8 Taburan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan pencapaian subjek Agama Islam tahun lepas	54
Jadual 9 Taburan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan pencapaian subjek Pendidikan Moral tahun lepas	55
Jadual 10 Taburan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan pencapaian subjek Sejarah tahun lepas	56
Jadual 11 Taburan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan pencapaian subjek Geografi tahun lepas	57
Jadual 12 Taburan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan pencapaian subjek Sains tahun lepas	58

Jadual 13 Taburan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan pencapaian subjek Matematik tahun lepas	59
Jadual 14 Taburan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan pencapaian subjek Kemahiran Hidup tahun lepas	60
Jadual 15 Taburan perasaan responden terhadap sekolah	60
Jadual 16 Taburan kepuasan responden terhadap sekolah	63
Jadual 17 Korelasi <i>Pearson</i> antara perasaan terhadap sekolah dengan peratus kehadiran ke sekolah	72
Jadual 18 Korelasi <i>Pearson</i> antara kepuasan terhadap sekolah dengan peratus kehadiran ke sekolah	73
Jadual 19 Korelasi <i>Pearson</i> antara perasaan terhadap sekolah dengan Kepuasan terhadap sekolah	75
Jadual 20 Korelasi <i>Pearson</i> antara pencapaian akademik Bahasa Melayu dengan peratus kehadiran ke sekolah	76
Jadual 21 Korelasi <i>Pearson</i> antara pencapaian akademik Bahasa Inggeris dengan peratus kehadiran ke sekolah	77
Jadual 22 Korelasi <i>Pearson</i> antara pencapaian akademik Agama Islam dengan peratus kehadiran ke sekolah	78
Jadual 23 Korelasi <i>Pearson</i> antara pencapaian akademik Pendidikan Moral dengan peratus kehadiran ke sekolah	79
Jadual 24 Korelasi <i>Pearson</i> antara pencapaian akademik Sejarah dengan peratus kehadiran ke sekolah	80

Jadual 25 Korelasi <i>Pearson</i> antara pencapaian akademik Geografi dengan peratus kehadiran ke sekolah	81
Jadual 26 Korelasi <i>Pearson</i> antara pencapaian akademik Sains dengan peratus kehadiran ke sekolah	82
Jadual 27 Korelasi <i>Pearson</i> antara pencapaian akademik Matematik dengan peratus kehadiran ke sekolah	83
Jadual 28 Korelasi <i>Pearson</i> antara pencapaian akademik Kemahiran Hidup dengan peratus kehadiran ke sekolah	84
Jadual 29 Ujian-t angkubah perasaan terhadap sekolah antara jantina responden	85
Jadual 30 Ujian-t angkubah kepuasan terhadap sekolah antara jantina responden	86
Jadual 31 Ujian-t angkubah peratus kehadiran ke sekolah antara jantina responden	87
Jadual 32 ANOVA sehala angkubah perasaan terhadap sekolah antara bangsa responden	88
Jadual 33 ANOVA sehala angkubah kepuasan terhadap sekolah antara bangsa responden	89
Jadual 34 ANOVA sehala angkubah peratus kehadiran ke sekolah antara bangsa responden	90

SENARAI RAJAH

Rajah 1

Perkaitan antara kualiti kehidupan sekolah dengan peratus kehadiran ke sekolah

14

Rajah 2

Kualiti kehidupan sekolah mempengaruhi hubungan di antara faktor demografi dengan keinginan dan harapan akademik

31

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A

Borang kaji selidik *Quality of School Life*

Lampiran B

Surat pengesahan untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah, maktab-maktab perguruan, jabatan-jabatan pelajaran dan bahagian-bahagian di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia

Lampiran C

Surat pengesahan untuk menjalankan kajian di sekolah, maktab perguruan, Jabatan Pelajaran Negeri dan bahagian-bahagian di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia

ABSTRAK

MENGENAL HUBUNGAN DI ANTARA KUALITI KEHIDUPAN SEKOLAH DENGAN PERATUS KEHADIRAN KE SEKOLAH

Nurhidaya binti Ahmad

Gejala ponteng sekolah sering sahaja dikaitkan dengan faktor pelajar itu sendiri mahupun faktor keluarga. Namun begitu, faktor persekitaran sekolah turut menyumbang kepada fenomena ini. Justeru itu, kajian ini telah dijalankan untuk mengkaji hubungan antara kualiti kehidupan sekolah dengan peratus kehadiran ke sekolah. Responden kajian ini adalah di kalangan pelajar Tingkatan Dua, di Sekolah Menengah Kebangsaan Green Road dan Kolej Dato Patinggi Abang Haji Abdillah yang melibatkan seramai 140 orang responden. Instrumen yang digunakan adalah berbentuk soal selidik *Quality of School Life*. Korelasi *Pearson* menunjukkan bahawa tidak terdapat perkaitan signifikan antara perasaan terhadap sekolah dengan peratus kehadiran ke sekolah iaitu perasaan terhadap sekolah tidak mempengaruhi peratus kehadiran ke sekolah. Korelasi *Pearson* juga mendapati bahawa tidak terdapat perkaitan signifikan antara kepuasan terhadap sekolah dengan peratus kehadiran ke sekolah iaitu kepuasan terhadap sekolah tidak mempengaruhi peratus kehadiran ke sekolah. Sebaliknya, korelasi *Pearson* telah menunjukkan bahawa terdapat perkaitan signifikan antara perasaan terhadap sekolah dengan peratus kehadiran ke sekolah. Keadaan ini menunjukkan bahawa semakin tinggi perasaan terhadap sekolah semakin tinggi kepuasan terhadap sekolah. Ujian-t menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan dalam perasaan terhadap sekolah, kepuasan terhadap sekolah, dan peratus kehadiran ke sekolah mengikut faktor jantina. Ini membawa maksud faktor jantina tidak mempengaruhi perasaan terhadap sekolah, kepuasan terhadap sekolah, dan peratus kehadiran ke sekolah. ANOVA sehala pula menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan dalam perasaan terhadap sekolah dan kepuasan terhadap sekolah mengikut faktor bangsa. Ini menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan yang wujud mengikut bangsa responden dari segi perasaan dan kepuasan terhadap sekolah. Sebaliknya, ANOVA sehala menunjukkan bahawa terdapat perbezaan signifikan peratus kehadiran ke sekolah berdasarkan bangsa responden. Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dari segi bangsa dalam peratus kehadiran ke sekolah. Kesimpulannya, tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara kualiti kehidupan sekolah dengan peratus kehadiran ke sekolah.

ABSTRACT

IDENTIFY THE RELATIONSHIP BETWEEN QUALITY OF SCHOOL LIFE AND SCHOOL ATTENDANCE PERCENTAGE

Nurhidaya binti Ahmad

Absenteeism in school always associated with the student's variable such as self-concept and self-esteem, and family factor such as social economic status. However, school environment also leads to such phenomenon therefore this study was conducted to identify the relationship between quality of school life and school attendance percentage. The respondents for this research were Form Two students of Sekolah Menengah Kebangsaan Green Road and Kolej Dato Patinggi Abang Haji Abdillah where 140 respondents are involved. The instrument for this research was a set of questionnaire Quality of School Life. Pearson Correlation indicated that there was no significant relationship between respondents' feeling towards school and school attendance percentage which meant that respondents' feeling towards school did not influence school attendance percentage. Pearson Correlation also indicated that there was no significant relationship between respondents' satisfaction towards school and school attendance percentage which meant that respondents' satisfaction towards school did not influence school attendance percentage. Pearson Correlation also showed that there was significant relationship between respondents' feeling towards school and respondents' satisfaction towards school. This showed that the higher the respondents' feeling towards school, the higher the respondents' satisfaction towards school. T-test indicated that there were no significant differences in respondents' feeling towards school, respondents' satisfaction towards school, and school attendance percentage based on gender factors. This showed that gender factors did not influence respondents' feeling towards school, respondents' satisfaction towards school, and school attendance percentage. One-Way ANOVA showed that there were no significant differences in respondents' feeling towards school, and respondents' satisfaction towards school based on race factors. This showed that race factors did not influence respondents' feeling towards school, and respondents' satisfaction towards school. In contrast, One-Way ANOVA showed that there was significant difference in school attendance percentage based on their race. This showed that each race is different in school attendance percentage. In conclusion, there was no correlation between quality of school life and school attendance percentage.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Pendidikan merupakan suatu keperluan manusia untuk menyesuaikan diri demi meneruskan kehidupan. Ini bermaksud berusaha untuk mendapatkan ilmu menjadi ciri tabii manusia. Menurut Faure, Herrera, Abd Razzak Kaddour, Lopes, Petrvsky, Majid Rahdema, dan Ward (dalam Mahmood Nazar Mohamed, 1990) dalam menyatakan keperluan biologi, fisiologi, dan naluri manusia, bukti sains menunjukkan peranan yang dilakukan dalam evolusi dimaksudkan sebagai suatu corak pendidikan untuk dapat terus hidup. Menurut Ee Ah Meng (1996), ilmu pengetahuan adalah penting bagi manusia kerana ia membantu manusia membangunkan diri dan martabat insan.

Ilmu pengetahuan juga membolehkan manusia memperoleh kemenangan dan kebahagiaan dunia dan akhirat. Pendidikan menurut perspektif Islam menekankan pada tindak balas yang sesuai terhadap pelbagai situasi dalam kehidupan.

Ciri seperti ini membenarkan penggunaan ajaran Islam untuk meneruskan usaha ke arah pembangunan kebaikan negara. Ia juga menekankan kepada idealisme yang realistik iaitu mengambil kira kelemahan manusia dan juga memerintahkan manusia agar berusaha ke arah yang unggul.

Pada zaman ini sekolah dilihat sebagai institusi utama yang menyediakan ilmu pengetahuan untuk persiapan diri bersaing untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik. Menurut Rahimah Hj. Ahmad (dalam Ahmad bin Mohd Yasin, Azman bin Konil, dan Ishak Bin Harun, 2004), sebagai sebuah organisasi formal, sekolah mempunyai ciri-ciri organisasi kompleks yang lazimnya wujud hari ini. Ia mempunyai matlamat, khususnya untuk menghasilkan manusia terdidik dan berguna kepada negara.

Menurut Mortimore (dalam Karemera et al, 1996), terdapat sebelas (11) ciri-ciri keberkesanan sekolah berkesan adalah kepimpinan profesional, perkongsian wawasan dan tujuan, persekitaran pembelajaran, tumpuan kepada proses pengajaran dan pembelajaran, pengajaran yang bertujuan, jangkaan kejayaan yang tinggi, pengukuhan yang positif, memantau kemajuan, hak dan tanggungjawab pelajar, hubungan rumah-sekolah, dan organisasi pembelajaran.

Bagi mencapai matlamat tersebut, iklim atau persekitaran sekolah mesti diambil kira demi melahirkan insan yang baik dan berkembang secara harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, jasmani, dan emosi (Ee Ah Meng, 1996).

Walaupun begitu, tidak semua sekolah menyediakan persekitaran sekolah yang kondusif untuk para pelajar. Menurut Ee Ah Meng persekitaran sekolah di sini terdiri daripada aspek fizikal, aspek sosial dan aspek budaya.

Menurut Leonard (2002) kelebihan kepada para pendidik apabila meningkatkan kesedaran terhadap impak positif dan negatif ke atas kualiti kehidupan sekolah seperti kepuasan dan tekanan adalah jelas. Pelajar yang berasa gembira dengan diri dan sekolah akan berasa bersemangat dan berasa teransang dengan persekitaran sekolah, seterusnya akan lebih bersedia untuk belajar. Secara tidak langsung, pelajar yang ingin berada di sekolah ini akan mempunyai usaha untuk sentiasa hadir ke sekolah.

Leonard, Bourke dan Schofield (2000) mendapati bahawa persekitaran sekolah menyumbang tekanan kepada pelajar dan terdiri daripada empat (4) iaitu persekitaran fizikal, penilaian, pengurusan, dan hubungan interpersonal guru dan murid. Kesan daripada tekanan persekitaran sekolah ini telah menyebabkan pelajar ponteng sekolah. Ini disokong oleh penemuan Reid (dalam Manja Mohd Ludin, 1990) yang mendapati bahawa pelajar sekolah menyifatkan faktor persekitaran sekolah seperti kesukaran kerja sekolah dan

pengaruh guru sebagai penyebab utama mereka ponteng sekolah berbanding dengan faktor yang berkaitan dengan rakan sebaya dan rumah.

Di samping itu, perasaan terhadap sekolah adalah antara faktor yang diambil kira dalam menilai keberkesanan sekolah.

Sammons dan Reynolds (dalam Leonard, 2002) mencadangkan bahawa salah satu cara terbaik untuk menilai keberkesanan sekolah adalah kesan cara cikgu mengajar, amalan sosial di kelas dan sekolah, dan hasil perasaan serta pencapaian pelajar.

Dari segi kepuasan pelajar terhadap sekolah juga mempengaruhi samada pelajar tersebut ingin pergi ke sekolah atau tidak. Menurut Leonard (2000) tahap kepuasan pelajar yang rendah terhadap sekolah menyebabkan pelajar lebih cenderung untuk ponteng sekolah.

1.1 Latar belakang kajian

Salah satu fenomena yang menarik perhatian masyarakat masa kini ialah perlakuan ponteng di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah. Ponteng sekolah merupakan satu daripada masalah pelanggaran disiplin yang dihadapi oleh kebanyakan negara di dunia, termasuk Malaysia. Menurut Manja Mohd.Ludin (1990), ponteng sekolah bukan sahaja menyusahkan pihak pentadbiran di sekolah, ibu bapa serta masyarakat, ia menimbulkan kesan kepada diri pelajar itu sendiri. Ketika melakukan ponteng, pelajar-pelajar itu

terdedah dengan kegiatan delinkuen yang lain yang membahayakan diri mereka. Menurut Leonard (2000), di dalam konteks sekolah perbuatan ponteng memberikan kesan pengurangan kualiti dari segi pencapaian akademik.

Lazimnya, apabila membincangkan soal ponteng, masyarakat akan terus menuding jari ke arah pelajar tanpa mengambil kira faktor-faktor lain yang turut menyumbang ke arah masalah ini.

Antara faktor penyebab ponteng adalah rasa tertekan pelajar dengan persekitaran sekolah. Menurut Leonard (2000), bagi seorang pelajar sekolah rendah, persekitaran sekolah yang mereka kongsi dengan cikgu mereka adalah dianggap seperti tempat kerja. Ini adalah kerana pelajar sekolah menghabiskan masa yang lebih kurang sama setiap hari di sekolah seperti masa yang dihabiskan oleh pekerja, mereka juga turut sama membuat tugas yang menguji mental dan fizikal, hasil tugas itu kemudiannya diperiksa oleh cikgu dan seperti juga pekerja, pelajar mempunyai rutin harian yang sama.

Ini ditambah dengan pendapat daripada Schofield dan Bourke (dalam Leonard et al, 2000) yang menyatakan bahawa tahun pengajian seseorang di dalam persekitaran pembelajaran juga boleh dikira sebagai waktu yang penuh dengan tekanan. Menurut Ibrahim (dalam Manja Mohd Ludin, 1990), punca berlakunya ponteng yang berkaitan dengan persekitaran sekolah merangkumi peranan guru besar, nilai guru, kemudahan pelajaran, dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di sekolah. Hukuman yang tidak adil mengakibatkan pelajar berdendam dan benci kepada guru dan mata pelajaran yang diajarnya. Menurut

Jaafar (dalam Manja Mohd Ludin, 1990), kebosanan terhadap guru dan mata pelajaran akan menyebabkan pelajar ponteng.

Kajian terkini dalam dunia pendidikan telah mendapati bahawa pembolehubah kelas mempengaruhi kognitif dan perasaan pelajar, manakala pembolehubah sekolah mempengaruhi tingkah laku, kehadiran, sikap, dan pencapaian akademik pelajar (Leonard, 2002).

Menurut Leonard (2002) juga, banyak pengkaji telah menunjukkan bahawa ciri-ciri yang perlu ada pada sekolah yang efektif adalah program pendidikan dan kurikulum yang berkualiti, suasana dan *ethos* (budaya) yang positif, kepimpinan yang positif, komunikasi, penyelesaian masalah, kualiti tenaga pengajar yang tinggi, akses kepada sistem sokongan, pelajar berpuas hati dengan sekolah, dan kadar ponteng sekolah yang rendah.

Menurut Knuver et al (dalam Leonard, 2002) secara globalnya, terdapat sedikit sahaja kajian yang dibuat mengenai kesan sekolah dan bilik darjah terhadap aspek persekolahan pelajar seperti ponteng, sikap terhadap sekolah, tingkah laku, dan keberkesanan diri berbanding dengan pencapaian dan akademik.

Oleh itu, kajian ini telah dibuat untuk mengenalpasti hubungan di antara kualiti kehidupan sekolah dengan peratus kehadiran ke sekolah di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah tingkatan dua di dua (2) jenis sekolah menengah biasa dan sekolah menengah berasrama. Di samping itu, faktor-

faktor demografi seperti jantina, bangsa, dan pencapaian akademik responden pada tahun sebelumnya turut dikaji. Menurut Jersild (dalam Manja Mohd Ludin, 1990) pelajar lelaki didapati lebih banyak melakukan ponteng berbanding dengan pelajar perempuan. Menurut Abdul Mutalib (dalam Manja Mohd Ludin, 1990) mengatakan pelajar Melayu melakukan ponteng berbanding dengan bangsa lain.

Menurut Bachman (dalam Manja Mohd Ludin, 1990) mendapati 48% daripada punca perlakuan ponteng ialah pelajar berkenaan menghadapi kesulitan dalam pembelajaran serta mundur dalam pelajaran.

Galloway (dalam Manja Mohd Ludin, 1990) mendapati juga pencapaian akademik yang rendah sebagai satu daripada punca ponteng.

Ini turut disokong oleh Mohamed Fadzil Che Din dan Rasidah Hj Omar (2002) yang mengatakan bahawa 10-15% pelajar yang ponteng sekolah terdiri daripada golongan yang terpinggir yang tidak mempunyai potensi untuk maju dalam pelajaran.

Oleh itu, kajian turut dibuat untuk mengesahkan keputusan-keputusan kajian lepas ini.

1.2 Kenyataan masalah

Kejayaan negara di masa akan datang terletak di tangan anak-anak muda yang sekarang ini menimba ilmu di sekolah. Ini adalah kerana golongan inilah yang bakal menerajui negara. Untuk menjamin kejayaan ini, kesejahteraan dari segi fizikal, mental, dan emosi golongan bakal pemimpin ini perlu diambil kira. Bebanan tugas dan pengharapan yang terlalu tinggi yang disandarkan pada bahu mereka akan membawa kepada gejala tekanan. Menurut Selye (1976), tekanan dimaksudkan sebagai "Nonspecific respond on the body to any demand made upon it". Ini bermakna tekanan adalah suatu tindak balas tubuh badan individu terhadap permintaan atau bebanan yang melampaui keupayaannya.

Cox (dalam Mahmood Nazar Mohamed, 1990) menyatakan bahawa setiap orang memberikan tindak balas yang berlainan terhadap satu bentuk tekanan yang sama.

Oleh itu, suatu perkara atau peristiwa yang dilihat sebagai membebankan dan menimbulkan ketegangan pada seseorang individu, mungkin dilihat sebagai sesuatu yang menggembirakan oleh individu yang lain.

Contohnya; peluang dinaikkan pangkat boleh dilihat sebagai tekanan positif iaitu motivasi untuk mendapatkan pengiktirafan yang lebih tinggi, atau sebagai tekanan negatif seperti berasa terbeban dengan jawatan baru yang diberikan. Di samping itu, tahap ketahanan seseorang itu terhadap tekanan juga

berbeza mengikut keperibadian dan kekuatan jiwa seseorang itu (Zuraidah Abdul Rahman, 1995).

Menurut Cox (dalam Mahmood Nazar Mohamed, 1990), tekanan berasal daripada perkataan Greek *stringere* yang membawa maksud 'ketat' atau 'tegang'. Pada amnya, tekanan boleh difahami daripada tiga (3) sudut. Pertama, dari sudut rangsangan yang menyebabkan tekanan. Pendekatan mengkaji rangsangan-rangsangan fizikal, fisiologi, dan psikologi yang menyebabkan tekanan seperti kebisingan, suhu, kelembapan, sakit, dan emosi.

Kedua, fenomena ini dilihat dari aspek tindak balas fisiologi dalam badan individu terhadap tekanan yang dihadapi. Pendekatan yang ketiga pula melihat tekanan dari aspek kebolehan organisma untuk berinteraksi dengan alam sekitar yang menyebabkan tekanan serta menyesuaikan diri dengan tekanan yang dihadapinya.

Murray (dalam T. Marimuthu, 1994) dalam teori yang diutarakannya menyatakan bahawa seseorang itu bertindak mengikut nilai, sikap dan keperluan serta dipengaruhi oleh rangsangan luar. Teori ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam bab dua (2) kajian semula penulisan.

Di dalam konteks kajian ini, rangsangan luar yang mempengaruhi pelajar adalah persekitaran sekolah. Keperluan pelajar untuk berjaya dalam kehidupan memimpin mereka untuk mendekati atau menjauhi sesuatu dan memberikan respon terhadap persekitaran. Dengan erti kata lain, tekanan yang